

19 JANUARI 2018

Buruh sorok 1,000 pil kuda dalam bakul

Buruh sorok 1,000 pil kuda dalam bakul

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

MARANG - Seorang buruh disyaki pengedar dadah jenis pil kuda ditahan dalam serbuan di rumahnya di Kampung Jambu Bongkok di sini Ahad lalu.

Dalam serbuan pukul 2 petang itu, suspek yang berusia 27 tahun ditahan bersama 1,000 biji pil berwarna merah dan hijau dipercayai pil kuda yang dianggarkan bernilai RM10,000.

Ketua Polis Daerah Marang, Deputi Superintendan Mohd. Suhaimi Ali berkata, serbuan dilakukan hasil hasil risikan selama beberapa bulan setelah mengesyaki lelaki tersebut terlibat aktif dalam aktiviti pengedaran dadah di sekitar daerah ini.

"Sewaktu serbuan dilakukan,

suspek tinggal bersendirian di dalam rumah itu manakala isterinya telah keluar bekerja dan dua anaknya berada di sekolah.

"Pemeriksaan di bahagian dapur rumah itu telah menemui sebotol plastik di dalam sebuah raga yang mengandungi pil disyaki pil kuda," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah Marang di sini semalam.

Mohd. Suhaimi berkata, siasatan awal mendapati suspek mempunyai dua rekod jenayah lampau berkaitan kes penyalahgunaan dadah.

Menurut beliau, lelaki itu ditahan reman selama tujuh hari sehingga Ahad ini bagi membantu siasatan mengikut Seskyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



MOHD. SUHAIMI (kanan) menunjukkan antara pil kuda yang dirampas dalam serbuan di sebuah rumah pada sidang akhbar di IPD Marang semalam.